

NO. SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH
[KALABAカン]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7238

SOALAN:

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [
Kalabakan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) apakah Kementerian sedar bahawa dengan penguatkuasaan perintah berkurung di beberapa kawasan persisiran pantai di Sabah telah mengakibatkan kehilangan pendapatan kepada para nelayan persisiran pantai; dan

(b) sedarkan Kementerian bahawa langkah ini juga telah menyebabkan kurang bekalan dan kenaikan harga ikan dan hasil laut yang lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kita semua sedia maklum bahawa keselamatan itu amat mahal nilainya. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak akan berkompromi apabila melibatkan isu-isu keselamatan. Keadaan ini selari dengan senario yang dihadapi di pantai timur Sabah di mana kerajaan telah membuat keputusan untuk melaksanakan perintah berkurung di enam (6) kawasan di pantai timur Sabah iaitu Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Semporna, Kunak dan Tawau.

Pada masa yang sama, pelaksanaan perintah berkurung ini sama sekali tidak mendatangkan masalah kepada penduduk setempat untuk menjalankan aktiviti mencari rezeki memandangkan perintah berkurung tersebut hanya dikuatkuasakan dalam waktu tertentu di kawasan perairan sahaja. Selain itu, terdapat reaksi daripada pengusaha-pengusaha ikan sangkar dan penduduk tempatan yang memberi sokongan penuh dengan pelaksanaan perintah berkurung ini bagi menjamin keselamatan kawasan dan diri mereka.